

# Minggu 10

## Hari 1

### **Baca: Yoh. 11: 1-44**

#### ***Kematian Lazarus: Yoh. 11: 1-16***

1. Berapakah rapat hubungan Yesus dengan Maria, Marta dan Lazarus?

2. Menurut Yesus, apakah akan terhasil akibat penyakit ini?

3. Yesus bertangguh selama dua hari sebelum melawat kawannya Lazarus. Apa yang terjadi kepada Lazarus ketika itu?

4. Mengapa pengikut-pengikutNya tidak mahu ke Yudea pada masa itu?

#### ***Yesus di rumah Lazarus: Yoh. 11: 17-44***

5. Siapa yang pertama sekali menemui Yesus bila Dia tiba di Betania? Apa yang dia katakan?

6. Menurut Yesus, siapakah Dirinya?

7. Apakah tindak balas Yesus bila Dia melihat Maria dan orang-orang Yahudi menangisi Lazarus?

8. Mengapa Marta merasa terganggu bila Yesus mengarahkan batu di pintu kubur diketepikan?

9. Mengapa Yesus berdoa dengan suara kuat sebelum memanggil Lazarus keluar dari kubur?

10. Jelaskan keadaan ketika Yesus memanggil, "Lazarus, keluar!"

#### ***Renungan Hari Ini***

Yesus bertangguh sebelum pergi melawat Lazarus, kemudian Dia melakukan salah satu mukjizatNya yang paling hebat. Adakah saya mempercayai TUHAN bila melihatnya Dia tidak bertindak segera bagi pihak saya?

## Minggu 10

### Hari 2

<p>(Lihat kajian tambahan, tajuk #34)</p> <p>(Lihat kajian tambahan, tajuk #35)</p> <p><b>Renungan Hari Ini</b> Saya mahu seperti lelaki yang berpatah balik. Saya mahu bersyukur atas apa yang TUHAN lakukan dalam hidup saya.</p>	<p><b>Baca: Yoh. 11: 45-54; Luk. 17: 11-37</b> <b>Muslihat untuk membunuh Yesus: Yoh. 11: 45-54</b> 1. Mengapa ketua-ketua imam dan orang-orang Farisi berpakat mahu membunuh Yesus?</p> <p><b>Sepuluh orang berpenyakit kusta disembuhkan: Luk. 17: 11-19</b> 2. Bagaimana kesemua puluh orang ini disembuhkan?</p> <p>3. Siapa yang berpatah balik, memuji TUHAN dan mengucapkan berterima kasih kepada Yesus?</p> <p>4. Apakah yang dikatakan oleh Yesus kepada orang itu?</p> <p><b>Kedatangan Pemerintahan TUHAN: Luk. 17: 20-37</b> 5. Menurut Yesus, kerajaan TUHAN berada di mana?</p> <p>6. Adakah Anak Manusia dinyatakan secara rahsia, hanya kepada beberapa orang sahaja?</p> <p>7. Apa yang harus terjadi sebelum Anak Manusia dinyatakan?</p> <p>8. Adakah orang ramai bersedia dan menantikan Anak Manusia dinyatakan?</p> <p>9. Bila Anak Manusia dinyatakan, adakah manusia dapat menyelamatkan diri mereka?</p>
---	--

# Minggu 10

## Hari 3

<p>(Lihat kajian tambahan, tajuk #36)</p> <p><b>Renungan Hari ini</b> Saya tidak harus bergantung kepada kebenaran sendiri, tetapi pada Tuhan untuk keselamatan saya.</p>	<p><b>Baca: Luk. 18: 1-30</b> <b>Perumpamaan tentang seorang janda dengan seorang hakim: Luk. 18: 1-8</b></p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Apakah ajaran Yesus dalam perumpamaan ini?</li><li>2. Bila kita berseru kepada Tuhan untuk mendapatkan keadilan, adakah Dia akan menolong?</li></ol> <p><b>Perumpamaan dua orang lelaki berdoa: Luk. 18: 9-14</b></p> <ol style="list-style-type: none"><li>3. Yesus menceritakan perumpamaan ini kepada siapa?</li><li>4. Apakah subjek doa orang Farisi?</li><li>5. Siapa yang dibenarkan oleh Tuhan?</li></ol> <p><b>Anak-anak kecil dan Yesus: Luk. 18: 15-17</b></p> <ol style="list-style-type: none"><li>6. Yesus mengatakan siapakah yang akan menikmati pemerintahan TUHAN?</li></ol> <p><b>Pemimpin kaya: Luk. 18: 18-30</b></p> <ol style="list-style-type: none"><li>7. Menurut Yesus, apakah dua perkara yang harus dilakukan oleh pemimpin kaya itu supaya dapat mewarisi hidup kekal?</li><li>8. Mengapa agaknya Yesus menyuruh orang itu menjual segala miliknya manakala Dia tidak pula menyuruh mereka yang lain menyerahkan segala milik mereka kepada orang miskin?</li><li>9. Bagaimana memperoleh keselamatan?</li><li>10. Apa yang dijanjikan oleh Yesus kepada pengikut-pengikut yang telah meninggalkan segala-galanya untuk mengikutinya?</li></ol>
---	--

## Minggu 10

### Hari 4

<p>(Lihat kajian tambahan, tajuk #37)</p> <p><b>Renungan Hari Ini</b> Tidak ada ketua agama lain yang meramalkan kematian dan kebangkitanNya sendiri.</p>	<p><b>Baca: Mat. 20: 1-34</b> <b>Perumpamaan tentang pekerja di ladang anggur: Mat. 20: 1-16</b></p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Tuan punya kebun bersetuju membayar berapa upah kepada mereka yang mula-mula sekali diupahnya?</li><li>2. Berapa pula upah yang dijanjikan kepada pekerja-pekerja yang diambilnya kemudian?</li><li>3. Berapa yang dibayar kepada setiap orang pekerja?</li><li>4. Adakah tuan punya kebun tidak adil?</li><li>5. Apakah yang dapat anda ketahui tentang kerajaan syurga melalui perumpamaan?</li></ol> <p><b>Yesus meramal kematianNya sekali lagi: Mat. 20: 17-19</b></p> <ol style="list-style-type: none"><li>6. Apakah yang diberitahu oleh Yesus kepada pengikut-pengikut tentang kematianNya yang menjelang tiba?</li></ol> <p><b>Permintaan seorang ibu: Mat. 20: 20-28</b></p> <ol style="list-style-type: none"><li>7. Apakah yang isteri Zebedeus mahu?</li><li>8. Apakah jawapan Yesus?</li><li>9. Apakah tindak balas Yesus bila pengikut-pengikut yang lain merasa marah atas permintaan isteri Zebedeus?</li></ol> <p><b>Dua orang lelaki buta disembuhkan: Mat. 20: 29-34</b></p> <ol style="list-style-type: none"><li>10. Sejauh mana mereka berdua mahu disembuhkan?</li></ol>
---	---

# Minggu 10

## Hari 5

<p><i>Nota:</i> Satu mata wang emas bersamaan nilai tiga bulan upah.</p> <p><i>Nota:</i> Ini merupakan permulaan minggu terakhir pelayanan Yesus.</p> <p><i>Renungan Hari Ini</i> Saya mahu berhasil seberapa yang boleh dengan apa yang TUHAN berikan. Saya mahu menjadi hamba yang dapat dipercayai.</p>	<p><b>Baca: Luk. 19: 1-44</b> <b>Zakheus, ketua pemungut cukai: Luk. 19: 1-9</b></p> <p>1. Apa yang anda pelajari tentang Zakheus dalam ayat-ayat 1-4?</p> <p>2. Apakah tindak balas Zakheus bila Yesus mengatakan Dia mahu tinggal di rumahnya?</p> <p>3. Menurut Yesus, apakah misiNya?</p> <p><b>Perumpamaan tentang mata wang emas: Luk. 19: 11-27</b></p> <p>4. Mengapa Yesus menceritakan perumpamaan ini?</p> <p>5. Apa yang dilakukan oleh bangsawan kepada dua orang hambanya yang telah melaburkan mata wang emas yang diberikan kepada mereka?</p> <p>6. Apa yang terjadi kepada hamba yang hanya menyimpan mata wang emas itu dan mengembalikannya kepada raja?</p> <p><b>Yesus dialu-alukan masuk Yerusalem: Luk. 19: 28-44</b></p> <p>7. Bagaimana Yesus mendapat anak keldai yang ditunggangNya?</p> <p>8. Bagaimana orang ramai bertindak balas bila Yesus masuk Yerusalem dengan menunggang anak keldai?</p> <p>9. Apa yang Yesus katakan bila orang-orang Farisi menegur Dia tentang menerima pujian dan sembah orang ramai?</p> <p>10. Mengapa Yesus menangis Yerusalem?</p>
--	---

# jawapan: minggu 10

## **Hari 1**

1. Maria, Marta dan Lazarus adalah kawan rapat Yesus.
2. Yesus mengatakan bahawa penyakit itu tidak akan berakhir dengan maut. Dia berkata ia adalah demi kemuliaan Tuhan, supaya Anak TUHAN dimuliakan melaluinya.
3. Lazarus mati ketika Yesus bertangguh melawatnya.
4. Pengikut-pengikutNya takut akan orang-orang Farisi. Baru-baru sahaja mereka telah cuba merejam Yesus dengan batu. Malah Tomas takut nyawanya diancam.
5. Martalah yang pertama menemui Yesus dan berkata, "Ya Tuhan, jika Tuhan di sini pada masa itu, tentu saudaraku masih hidup! Sungguhpun demikian, aku tahu bahawa TUHAN akan mengabulkan apa sahaja yang Tuhan minta."
6. Yesus berkata, "Akulah yang membangkitkan orang mati dan yang memberikan hidup. Sesiapa yang percaya kepada-Ku akan hidup, meskipun dia sudah mati. Orang yang hidup dan percaya kepada-Ku, tidak akan mati selama-lamanya."
7. Yesus begitu terharu melihat air mata Maria dan orang-orang Yahudi, dan Dia menangis.
8. Marta sedar bahawa mayat saudaranya sudah mula reput dan akan berbau.
9. Yesus sudah pun tahu bahawa TUHAN akan mendengar dan menjawab doanya. Dia berdoa dengan suara kuat supaya mereka yang berdiri berdekatan tahu bahawa Yesus diutus oleh TUHAN bila mereka menyaksikan doanya dikabulkan.
10. Lazarus keluar dari gua itu sebaik mungkin, tetapi dia dibungkus dengan kain kafan semasa dikebumikan. Walaupun Maria dan Marta tahu TUHAN akan mengabulkan doa Yesus, saya percaya mereka turut terkejut melihat Lazarus bangkit dan hidup semula. Yesus terpaksa menyuruh mereka membuka kain kafan untuk membebaskan Lazarus. Mukjizat ini tidak mungkin disebabkan oleh sebarang sihir atau seni silap mata. Seseorang yang dikenali mereka sudah mati selama empat hari, bangkit dan hidup semula, dan disaksikan oleh semua.

## **Hari 2**

1. Ketua-ketua imam dan orang-orang Farisi takut kalau-kalau semua orang akan mempercayai Yesus setelah melihat semua mukjizat yang dilakukannya. Mereka takut jikalau mereka mengikuti Yesus, orang-orang Roma akan merampas kuasa mereka.
2. Mereka berseru kepada Yesus dan memohon disembuhkan. Yesus menyuruh mereka pergi kepada imam-imam. Dalam perjalanan, mereka disembuhkan.
3. Seorang bangsa Samarialah yang satu-satunya berpatah balik untuk berterima kasih kepada Yesus.
4. Yesus berkata, "Bangunlah dan pergilah; kamu sembuh kerana kamu percaya kepada-Ku."
5. Yesus berkata kerajaan TUHAN "ada di antara kamu."
6. Tidak, Anak Manusia akan dinyatakan di semua tempat pada masa yang sama—seperti kilat menerangi seluruh langit sekali gus.
7. Yesus harus menderita dan mati sebelum Anak Manusia dinyatakan.
8. Tidak, orang ramai akan meneruskan kegiatan seharian mereka—makan, minum, kahwin-mengahwini, menjual-beli, menanam dan membina.
9. Tidak. Cuba untuk menyelamatkan diri, mereka akan mati.

## **Hari 3**

1. Yesus menceritakan perumpamaan ini untuk menunjukkan bahawa kita harus selalu berdoa dan jangan sekali-kali putus asa.
2. Yesus berjanji bahawa TUHAN akan membawakan keadilan secepat mungkin bagi anak-anakNya yang berdoa.
3. Dia menceritakan perumpamaan ini kepada mereka yang percaya kepada kebenaran diri sendiri dan memandang rendah orang lain.
4. Orang Farisi itu berdoa tentang tindakan-tindakan alimnya.
5. Pemungut cukai yang berseru kepada TUHAN supaya berbelas kasihan kepadanya dibenarkan. TUHAN akan meninggikan dia yang merendahkan dirinya.
6. Mereka yang datang kepada Yesus seperti anak kecil akan menikmati pemerintahan TUHAN.
7. Yesus mengatakan pemimpin kaya itu harus mematuhi semua perintah, menjual segala miliknya, dan dermakannya kepada mereka yang miskin.

8. Lelaki ini terlalu mengasihi kekayaan. Ia menjadi penghalang bagi dia untuk mengikuti Yesus.
9. Keselamatan tidak mungkin tercapai melalui usaha manusia: hanya TUHAN sahaja yang dapat mengurniakanNya.
10. Yesus berjanji bahawa TUHAN akan mengembalikannya berlipat ganda kepada mereka yang telah berkorban dan mereka akan menerima hidup kekal.

#### ***Hari 4***

1. Tuan punya ladang bersetuju memberi upah sekeping wang perak sehari.
2. Dia memberitahu mereka dia akan membayar apa yang patut.
3. Dia membayar setiap orang sekeping wang perak.
4. Tidak, tuan punya ladang bermurah hati membayar upah yang sama kepada mereka yang baru sahaja bekerja mahupun mereka yang sudah sehari suntuk bekerja.
5. Perumpamaan ini mengajar saya bahawa bukan sahaja TUHAN adil, tetapi Dia juga murah hati.
6. Yesus memberitahu pengikut-pengikutNya bahawa Dia akan dikhianati dan ditangkap oleh ketua imam dan guru Taurat dan diserahkan kepada pihak Roma. Dia akan diolok-olokkan, disesah dan disalib. Dia juga memberitahu mereka bahawa Dia akan bangkit semula pada hari yang ketiga.
7. Isteri Zebedeus mahu anak-anaknya duduk seorang di sebelah kiri dan seorang di sebelah kanan Yesus bila Yesus datang dalam kerajaannya.
8. Pertama, Yesus memberitahu mereka bahawa mereka harus menderita seperti Dia juga. Kedua, Dia memberitahu mereka bahawa kedudukan tersebut milik mereka yang ditentukan oleh Bapa.
9. Yesus memberitahu mereka jalan mencapai status terpilih dalam kerajaannya ialah dengan menjadi seorang hamba. Dia berkata Dia datang bukan sahaja untuk melayani tetapi untuk mati sebagai tebusan bagi ramai orang.
10. Mereka begitu menginginkan kesembuhan sehingga mereka sanggup terus menyeru kepada Yesus walaupun orang ramai cuba mendiamkan mereka.

#### ***Hari 5***

1. Zakheus adalah pemungut cukai yang kaya. Dia seorang yang pendek dan begitu ingin melihat Yesus sehingga dia memanjat pokok.
2. Zakheus turun dari pokok dan menyambut Yesus dengan gembira. Dia mendermakan separuh kekayaannya dan berjanji akan membayar balik empat kali ganda kepada sesiapa yang telah ditipunya.
3. Yesus berkata Dia datang untuk mencari dan menyelamatkan mereka yang sesat.
4. Yesus sudah hampir Yerusalem dan orang ramai salah anggap bahawa kerajaan TUHAN akan muncul dengan segera. Yesus mahu mengajar mereka apa yang harus mereka lakukan bila Dia mati dan meninggalkan mereka kelak.
5. Oleh kerana kedua-dua hamba pertama membuktikan bahawa mereka boleh dipercayai, mereka diberi tanggung jawab kota-kota di bawah jajahan baru raja.
6. Oleh kerana hamba terakhir tidak menggunakan apa yang diberikan, ianya diambil daripadanya dan diberikan kepada dia yang melakukan yang terbaik.
7. Yesus memberitahu kedua-dua murid yang diutusNya di mana mereka akan menemui anak keldai itu dan apa yang patut dikatakan kepada tuan punya anak keldai. Segalanya terjadi seperti yang dikatakan oleh Yesus.
8. Orang ramai membenteng jubah-jubah mereka di atas jalan dan berseru dengan suara nyaring, "Diberkatilah Dia yang datang dengan kuasa Tuhan! Sejahtera di syurga dan kemuliaan bagi TUHAN!"
9. "Percayalah, jika mereka diam, batu-batu ini akan mula berseru."
10. Yesus menangis kerana orang tidak dapat melihat apa yang akan memberikan mereka damai. Dia juga bernubuat tentang kebinasaan Yerusalem kerana mereka tidak menyedari kedatangan Tuhan kepada mereka.

# kajian tambahan: minggu 10

## Hari 2

### 34. Hukum mengenai pesakit kusta dan penyucian mereka:

*Im.* 13

### 35. Nuh dan jiran-jirannya:

*Kej.* 6: 8- 7: 1-24

*Ibr.* 11: 7

## Hari 3

### 36. Orang-orang Farisi:

Satu mazhab Yahudi

Mempertahankan adat istiadat

Menuruti peraturan agama dengan tegas

Kerap berpuasa

Cintakan wang

Para penganiaya yang kejam

*Kis.* 15: 5

*Mrk.* 7: 3, 5-8

*Kis.* 26: 5

*Luk.* 5: 33

*Luk.* 16: 14

*Kis.* 9: 1, 2

## Hari 4

### 37. Kerajaan Syurga atau Kerajaan TUHAN:

#### **Dihuraikan sebagai:**

Tiada yang najis dalam kerajaan ini

Orang yang taat pada TUHAN akan bersinar

Kita dipindahkan

*Efe.* 5: 5

*Mat.* 13: 43

*Kol.* 1: 13

#### **Masuk dengan cara:**

Kelahiran baru

Ditentukan oleh TUHAN

Melakukan kehendak TUHAN

Berbelas kasihan

Kesetiaan

Bertahan dalam penderitaan

Iman dan kasih

*Yoh.* 3: 1-8

*Luk.* 22: 29

*Mat.* 5: 10

*Mat.* 25: 35

*Luk.* 9: 62

*Kis.* 14: 22

*Yak.* 2: 5

#### **Berkuasa:**

Kuat

Tidak dapat dikalahkan

*I Kor.* 4: 20

*Dan.* 2: 44

#### **Pertumbuhan:**

Sudah Dinubuatkan

Seperti benih sawi

*Yes.* 9:6

*Mrk.* 4: 31